

BAB V

KONTROVERSI PENGURUSAN PENDIDIKAN DI SRJK(C)

Dalam dekad 1980-an, Malaysia telah dilanda arus gelombang ketegangan kaum akibat daripada perlantikan golongan pentadbir kanan SRJK(C) yang tidak berkelayakan formal dalam bahasa Cina. Isu perlantikan itu telah menyinggung sensitiviti Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terhadap identiti dan status quo SRJK(C) dalam sistem pendidikan kebangsaan. Selain itu, kontroversi mengenai penempatan bilangan guru bahasa tanpa kelayakan bahasa Cina yang berlebihan di SRJK(C) juga tidak kurang hebatnya.

Sungguhpun Kementerian Pendidikan telah berkali-kali menyatakan ia tidak berniat untuk mengubah corak SRJK(C) kepada SRK/SK, namun kedua-dua isu tersebut telah menimbulkan kegusaran Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Mereka melihat langkah kerajaan itu sebagai suatu muslihat tersembunyi untuk mengalihbahaskan SRJK(C). Lantaran itu, mereka telah bersekutu dengan parti-parti politik terutamanya MCA, DAP dan Gerakan untuk melancarkan kempen bagi mengekalkan identiti dan status quo SRJK(C). Tentangan hebat mereka telah mengakibatkan keresahan dan ketegangan di kalangan rakyat.

Perlantikan Golongan Pentadbir Kanan

Pada dasarnya, urusan kenaikan pangkat seseorang pegawai perkhidmatan pendidikan kategori C2 adalah dibuat oleh Lembaga Kenaikan Pangkat bagi guru-guru bukan siswazah. Lembaga ini adalah ditubuhkan di bawah Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran 1976 sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Di antara perkara-perkara yang diambil kira dalam menimbangkan kenaikan pangkat seseorang guru ini ialah kebolehan, kecekapan, sifat-sifat peribadi, kelulusan serta pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak diisikan.¹ Mengikut aturcara Lembaga Kenaikan Pangkat, syarat-syarat yang sama adalah dikenakan kepada guru-guru yang mengajar di semua sekolah tanpa mengambil kira aliran sekolah-sekolah tersebut.

Walau bagaimanapun, urusan kenaikan pangkat ini telah membangkitkan bantahan kuat dari masyarakat Cina apabila Jabatan Pendidikan Negeri Perak menempatkan guru besar yang tidak berkelayakan bahasa Cina di SRJK(C) Kg. Bercham New Village, Ipoh pada tahun 1973.² Akibat daripada bantahan itu,

¹ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil.9, 18 Mac 1988, hlm.31-32.

² Fail GPGSCM/Huaxiao[SRJK(C)], Letter from Lim Fong Seng, The Joint Chinese Education Working Committee of The UCSCAM, UCSTAM and MCA Education Committee, to Datuk Hussein Onn, Minister of Education Malaysia, 9 Julai 1973, GPGSCM, Kuala Lumpur; Fail GPGSCM/Huaxiao[SRJK(C)], Letter from Lim Fong Seng, The Joint Chinese Education Working Committee of The UCSCAM, UCSTAM and MCA Education Committee, to Haji Mohamad Yaacob, Minister of Education Malaysia, 17 Ogos 1973, GPGSCM, Kuala Lumpur; Teachers' Journal, Vol.8, No.26, 15 Oktober 1973, hlm.47; Teachers' Journal, Vol.8, No.25, 15 Ogos 1973, hlm.26; Statement by UCSCAM, 30 Jun 1973.

Jabatan Pendidikan Negeri akhirnya bersetuju untuk menggantikan guru besar berkenaan dengan seorang guru besar lain yang berkelayakan.³ Pada bulan Oktober 1987, kontroversi kenaikan pangkat berlaku sekali lagi apabila pihak Kementerian Pendidikan melantik berpuluhan orang guru Cina tanpa kelayakan Bahasa Cina untuk memegang jawatan pentadbir kanan di SRJK(C).⁴

Seperti yang dijangkakan, perlantikan ini telah menimbulkan kekhawatiran masyarakat Cina terhadap pertukaran ciri-ciri SRJK(C), terutamanya penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dan bahasa pentadbiran sekolah. Sungguhpun isu kenaikan pangkat ini merupakan satu masalah urusan pentadbiran dan bukan masalah dasar pendidikan, namun penentangan-penentangan daripada masyarakat Cina akhirnya telah mencetuskan suatu kontroversi yang hangat serta menimbulkan suasana ketegangan kaum di negara ini.

Sebenarnya masalah penempatan tersebut adalah berpunca daripada kekurangan permohonan daripada guru-guru Cina yang berkelayakan untuk mengisi jawatan guru-guru kanan dan penyelia petang di SRJK(C). Misalnya di Wilayah Persekutuan, kekosongan jawatan pentadbir kanan yang wujud di

³ En. Lai Ngai Seng yang tidak berkelayakan bahasa Cina akhirnya digantikan oleh En. Ong Chee Keong dari Sekolah Menengah Rendah Jalan Labrooy, Ipoh mulai 1 Oktober 1973; lihat Bil (5) dlm. J.Pel:PK.(Per) 6328, Surat dari Mohd. Ali Bin Ibrahim, Pengarah Pelajaran Perak kepada Guru Besar Sekolah Menengah Rendah Jalan Labrooy, Ipoh, 7 September 1973.

⁴ Terdapat 45 buah SRJK(C) di Pulau Pinang, Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor terbabit dalam masalah penempatan guru-guru tanpa kelayakan Bahasa Cina sebagai pentadbir kanan; lihat Kenyataan Jawatankuasa Bertindak Bersama Hua Tuan dan Parti Politik Malaysia, 14 Oktober 1987.

SRJK(C) adalah sebanyak 126 dalam semua gred, namun bilangan guru yang mohon hanya 71 orang dan cuma 64 daripadanya berkelayakan Bahasa Cina. Di Melaka pula, terdapat 63 jawatan kosong jika dibandingkan dengan 66 permohonan dan hanya 45 yang layak. Di Pulau Pinang pula, terdapat 199 jawatan kosong berbanding dengan 133 orang guru yang berkelayakan Bahasa Cina.⁵

Oleh kerana masih terdapat banyak jawatan yang tidak diisi, maka Lembaga Kenaikan Pangkat meluluskan pengakuan pemangkuan jawatan-jawatan penolong kanan dan penyelia petang bagi guru-guru Cina yang layak mengikut skim perkhidmatan mereka. Antara mereka yang dilantik untuk mengisi kekosongan jawatan kenaikan itu, terdapat guru-guru Cina yang boleh menguasai Bahasa Cina walaupun mereka bukan dari aliran itu dan mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun di SRJK(C).⁶

Dalam hal ini, perlu ditegaskan ialah sekiranya perlantikan guru-guru yang tidak mempunyai kelayakan Bahasa Cina di SRJK(C) ini tidak dapat menjalankan tugas mereka dengan baik dan berkesan, maka kedudukan mereka akan dikaji semula. Oleh itu, Menteri Pendidikan Anwar Ibrahim berpendapat bahawa

⁵ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen:Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid 1, Bil.84, 10 November 1987, hlm.85.

⁶ Berita Harian, 14 Oktober 1987.

“adalah tidak munasabah sekiranya guru-guru yang berkelayakan mengikut Skim Perkhidmatan tidak diberi kenaikan pangkat walhal jawatan kosong masih ada”.⁷

Walau bagaimanapun, isu perlantikan ini telah menyinggung sensitiviti masyarakat Cina berkaitan dengan identiti SRJK(C). Dong Jiao Zong dan Hua Tuan dengan serta merta melihat perlantikan tersebut sebagai suatu langkah untuk menukarkan SRJK(C) kepada SK. Sebagai contohnya, Loot Ting Yee terus terang menyifatkan perlantikan itu sebagai “*an attempt of the Ministry of Education to edge closer towards the ultimate objective of the educational policy in this country in which the national language is the main medium of instruction*”.⁸ Sementara Pengerusi PPLPSCM, Lim Fong Seng menjelaskan bahawa masyarakat Cina bukan menentang kenaikan pangkat guru di SRJK(C) atau mana-mana kaum di negara ini. Tegasnya,

“We are not asking the Government to stop the promotion. These non-Chinese educated teachers can be promoted by all means. But don't send them to Chinese schools. They can't speak or write Mandarin. We can't allow them to speak at school assemblies in Bahasa Malaysia or English. We can't have these teachers. But that does not mean that we're against any race.”⁹

⁷ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen:Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.84, 10 November 1987, hlm.86.

⁸ Temuramah dengan Loot Ting Yee, Naib Pengerusi GPGSCM, di Pejabat GPGSCM, Kuala Lumpur pada 3 Disember 1999.

⁹ New Straits Times, 11 Oktober 1987.

Kebimbangan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan adalah berdasarkan haki bahawa semua aspek pengurusan dan pentadbiran di SRJK(C) ada menggunakan bahasa Cina. Sebagai golongan pentadbir kanan di SRJK(C) mereka dikehendaki untuk menggunakan bahasa pengantar sekolah dalam segurusan seperti mempengerusikan mesyuarat, menyediakan minit mesyuarat laporan sekolah, serta surat kepada ibu bapa. Maka seseorang guru yang tidak berkelayakan dalam bahasa Cina memang tidak dapat menjalankan tugas pentadbiran dan pengurusan sekolah dengan baik dan berkesan.¹⁰

Dalam hal ini, ahli akademik, Profesor Chiam Heng Kiam dari Fakulti Pendidikan Universiti Malaya bersetuju bahawa langkah Kementerian Pendidikan itu sememangnya akan mengubah corak SRJK(C) yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar. Beliau menegaskan, walaupun fasih dalam dialek guru besar dan guru penolong kanan harus tahu membaca dan menulis bahasa Cina kerana ia penting dalam perhubungan dengan kaki tangan dan murid.¹¹ Berdasarkan hakikat ini, Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan, A. Rajaguru menyeru Kementerian Pendidikan :

¹⁰ Temuramah dengan Ong Sing Kee, Penolong Kanan (Ko-Kurikulum) SRJK(C) Jern, Bukit Pasir, Muar pada 30 Julai 1999 di rumah kediamannya, iaitu Muar. Beliau mempunyai kelulusan Bahasa Cina dan telah dinaik pangkat ke jawatan pentadbir kanan itu bulan September 1997. Beliau mengakui bahawa adalah sukar untuk menjalankan tugas dengan berkesan kerana tidak berkemahiran dalam Bahasa Cina. Oleh itu, beliau telah mengambil pelajaran bahasa Cina dalam peperiksaan SPM pada tahun 1999 dan berjaya memperoleh kepujian.

¹¹ Berita Harian, 7 Oktober 1987.

*“... teachers who were trained in a particular medium of instruction—Bahasa Malaysia, Chinese or Tamil---should be posted to the appropriate schools”.*¹²

Dengan tekanan-tekanan dari masyarakat Cina, MCA akhirnya terpaksa menyatakan pendirian dan sokongan partinya terhadap tuntutan masyarakat Cina. Sebagai contohnya, Presiden MCA Dr Ling Liang Sik berpendapat bahawa “*the promotion exercise has clearly deviated from the promise contained in the Barisan Nasional (BN) general Election manifesto*”.¹³ Malah MCA menyatakan kesediaan partinya untuk menarik diri dari perikatan Barisan Nasional.¹⁴ Woon See Chin pula mengancam untuk meletak jawatan sebagai Timbalan Menteri Pendidikan sekiranya masalah ini tidak diselesaikan dengan sempurna.¹⁵

Sungguhpun terdapat bantahan-bantahan, Menteri Pendidikan Anwar Ibrahim bukan sahaja tidak berganjak dari pendiriannya, malah beliau mengatakan bahawa “*after making the necessary adjustments and taking into consideration all views expressed, the Government would stand firmly by its decision and would go ahead with the promotion of non-Chinese educated*

¹² The Star, 10 Oktober 1987.

¹³ New Straits Times, 6 Oktober 1987. Dalam manifestonya pada Pilihan Raya 1986, BN berjanji bahawa “*Chinese and Tamil-medium schools will continue to exist in their present character... We give an absolute guarantee that there will be no change*”, lihat Barisan Nasional, Ke Arah Keamanan, kestabilan dan kemakmuran Malaysia, Manifesto Pilihan Raya Umum 1986.

¹⁴ Sin Chew Jit Poh, 13 Oktober 1987.

¹⁵ The Star, 12 Oktober 1987.

teachers".¹⁶ Kenyataan ini telah menimbulkan tentangan yang lebih hebat daripada pemimpin Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Akibatnya Dong Jiao Zong dan 15 Hua Tuan bersama-sama dengan MCA, Gerakan dan DAP menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Bersama Hua Tuan dan Parti-Parti Politik Malaysia pada 8 Oktober 1987 untuk menyelaraskan dan menggembangkan usaha-usaha protes dan bantahan.¹⁷

Protes dan tentangan masyarakat Cina telah mencapai kemuncak apabila berlangsungnya perhimpunan di Kuil Thean Hou, Kuala Lumpur pada 11 Oktober 1987.¹⁸ Perhimpunan itu telah menempa sejarah kerana belum pernah berlaku sebelum ini semua lapisan kepimpinan masyarakat Cina di seluruh negara, baik dari parti politik mahupun Hua Tuan, berpeluang untuk berhimpun dan bersemuka dalam satu arena.¹⁹ Perwakilan telah memberikan kata dua kepada Kementerian Pendidikan agar masalah itu diselesaikan selewat-lewatnya pada 14

¹⁶ New Straits Times, 6 Oktober 1987.

¹⁷ Ahli-ahli jawatankuasa itu terdiri daripada Pengurus Chong King Liong (DPCS), Naib Pengurus Lim Fong Seng (PPLPSCM), Setiausaha Kehormat Low Sik Thong (PPLPSCM), dan AJK, Soo Lim Pang (PPLPSCM), Sim Mow Yu (GPGSCM), Loot Ting Yee (GPGSCM) dan Tuang Pik King (GPGSCM).

¹⁸ Sebelum itu, perhimpunan bantahan telah diadakan di Melaka pada 4 Oktober 1987 anjuran Persekutuan Persatuan Pelajar-Pelajar Kelepasan Sekolah Cina Melaka, Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Melaka, Malacca Chinese Education Progressive Association dan Dewan Perhimpunan Cina Melaka dan Perhimpunan Bantahan Lembaga Pengurus Sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru, dan Persatuan Murid-Murid Tua SRJK(C) di Wilayah Persekutuan dan Selangor.

¹⁹ Perhimpunan itu dihadiri oleh kira-kira 3 ribu orang wakil dari Hua Tuan dan pemimpin-pemimpin parti-parti politik seperti Datuk Lee Kim Sai dari MCA, Lim Kit Siang dari DAP, Ong Ting Kim dari Gerakan, Huang Zhengbu dari PSRM dan Hou Henghua dari SDP.

Oktober 1987.²⁰ Jika tidak, mereka akan melancarkan tindakan pemulauan kelas selama tiga hari bermula dari 15 Oktober hingga 17 Oktober 1987.²¹

Sungguhpun demikian, sehingga 14 Oktober 1987, Kementerian Pendidikan masih gagal mengambil sebarang langkah untuk menyelesaikan masalah penempatan itu. Jawatankuasa Bertindak Bersama Hua Tuan dan Parti-Parti Politik Malaysia, dalam mesyuarat ketiga yang diadakan pada sebelah pagi, telah mengatakan sokongan penuhnya kepada tindakan pemulauan kelas oleh sekolah-sekolah yang terbabit seperti yang dijadualkan.²² Walau bagaimanapun, satu langkah membina telah diputuskan oleh Kabinet pada 14 Oktober 1987. Jemaah Menteri bersetuju menuju sebuah Jawatankuasa Lima Menteri bagi

²⁰ Fail GPGSCM/Operasi Lalang, Surat dari Gabungan Lembaga-Lembaga Sekolah Cina Selangor & Kuala Lumpur kepada Datuk Mohd Hussein Ahmad, Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Selangor, 6 Oktober 1987, GPGSCM, Kuala Lumpur; Fail GPGSCM/Operasi Lalang, Surat dari Chong King Liang, Wakil 15 Hua Tuan kepada En. Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia, 12 Oktober 1987, GPGSCM, Kuala Lumpur.

²¹ Lima resolusi telah diluluskan sebulat suara dalam perhimpunan tersebut, iaitu (a).Ciri-ciri asas SRJK(C) ialah bahasa pengantar dan pentadbirannya adalah Bahasa Cina. Ini adalah prinsip asas yang dalam apa keadaan pun tidak boleh ditolakansurkan; (b).Tindakan melantik guru-guru yang tidak berkelayakan Bahasa Cina sebagai pentadbir-pentadbir SRJK(C) telah bercanggah dan mencerobohi hak-hak asasi dan hasrat ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka dalam bahasa ibundanya; (c).Perhimpunan ini menyokong sepenuhnya semua SRJK(C) yang terlibat dalam permintaan mereka kepada Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan masing-masing supaya menyelesaikan masalah ini sebelum 14 Oktober 1987 dan jika ini tidak dilakukan, mereka akan berhenti menghantar anak-anak ke sekolah pada 15, 16 dan 17 Oktober 1987; (d).Perhimpunan ini menyeru kepada Lembaga Pengurus, Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan Persatuan-Persatuan Murid-Murid Tua SRJK(C), Hua Tuan dan parti-parti politik di seluruh negara supaya bersiap sedia untuk menyahut pada bila-bila masa sebarang seruan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Bertindak Bersama Hua Tuan dan Parti-Parti Politik Malaysia; dan (e)Perhimpunan ini menyeru kepada Jawatankuasa Bertindak Bersama Hua Tuan dan parti-Parti Politik Malaysia supaya mengesan dengan penuh hati-hati tindakan Kementerian Pendidikan untuk meminda Akta Pelajaran 1961, dan mengambil sebarang langkah yang sesuai supaya ciri-ciri SRJK(C) dan SRJK(T) tidak terancam. Lihat Resolusi-Resolusi Perhimpunan Hua Tuan dan Parti-Parti Politik Malaysia, Jawatankuasa Bertindak Bersama Hua Tuan dan parti-Parti Politik Malaysia, Kuala Lumpur, 11 Oktober 1987.

²² Kenyataan Jawatankuasa Bertindak Bersama Hua Tuan dan Parti-Parti politik Malaysia, 14 Oktober 1987.

menangani masalah tersebut.²³ Sejurus selepas sahaja mesyuarat itu, Timbalan Perdana Menteri Ghafar Baba, selaku pengurus mesyuarat, mengeluarkan satu kenyataan yang berbunyi:

“Jemaah Menteri hari ini mengambil keputusan sebulat suara menyetujui langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pendidikan bagi menyelesaikan masalah penempatan guru-guru sekolah rendah jenis kebangsaan Cina (SRJKC). Langkah-langkah itu ialah menyemak semula kesesuaian guru-guru yang telah dilantik dengan mengekalkan mereka yang mempunyai kesesuaian dan mengalihkan mereka yang tidak berkesesuaian ke sekolah lain tanpa menjelaskan prinsip kenaikan pangkat dalam perkhidmatan pendidikan.”²⁴

Berdasarkan jaminan Jemaah Menteri inilah Jawatankuasa Bertindak Bersama Hua Tuan dan Parti-Parti Politik Malaysia telah memanggil satu mesyuarat tergempar. MCA, PPLPSCM dan DPCS bersetuju tindakan pemulauan kelas ditangguhkan buat sementara waktu. Sebaliknya DAP, GPGSCM dan Gerakan lebih cenderung untuk meneruskan pemulauan kelas. Kerk Choo Ting, Setiausaha Agung Gerakan dalam kenyataannya menekankan bahawa:

“The Cabinet decision did not meet the demands of the resolutions. In order to maintain its credibility, the action committee should have stuck to its stand and gone ahead with the boycott. As a compromise, the boycott could have been held for one day and all demonstrations and picketing called off.”²⁵

²³ Jawatankuasa itu terdiri daripada En.Anwar Ibrahim, Datuk Lee Kim Sai, Datuk Lin Keng Yaik, Datuk S.Samy Vellu dan Datuk Seri Najib Tun Razak.

²⁴ Fail GPGSCM/Operasi Lalang, Surat dari Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM dan Lok Sik Thong, Setiausaha Agung PPLPSCM kepada Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, 28 April 1988, GPGSCM, Kuala Lumpur.

²⁵ New Straits Times, 17 Oktober 1987.

Sungguhpun demikian, mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Bersama akhirnya mencapai keputusan sebulat suara untuk menarik balik tindakan pemulauan kelas. Dalam satu kenyataan bertulis selepas mesyuarat tergempar, jawatankuasa itu menyatakan bahawa:

“Memandangkan Jemaah Menteri telah menu buhkan sebuah Jawatankuasa Lima Menteri untuk menyelesaikan masalah penempatan guru-guru tanpa kelayakan Bahasa Cina untuk menjawat pentadbir kanan SRJK(C) dengan secepat mungkin, dan memandangkan dua anggota Jawatankuasa Lima Menteri itu, iaitu Datuk Lee Kim Sai dan Datuk Lim Keng Yaik, adalah wakil MCA dan Gerakan dalam Jawatankuasa Bertindak, dan memandangkan kedua-dua menteri ini telah menjamin bahawa kerajaan benar-benar berikhlas hendak menyelesaikan masalah, serta telah berjanji bahawa masalah ini akan diselesaikan sepenuhnya sebelum 31 Disember 1987, dengan itu, Jawatankuasa ini menyeru semua sekolah yang terbabit menangguhkan pemulauan kelas sehingga pemberitahuan selanjutnya daripada jawatankuasa ini nanti.”²⁶

Pada masa yang sama, MCA dan Gerakan juga berkali-kali memberi jaminan kepada masyarakat Cina bahawa masalah tersebut dapat diselesaikan berdasarkan tiga prinsip. Pertama ialah guru yang menjawat pentadbir kanan SRJK(C) semestinya mempunyai kelayakan dalam Bahasa Cina. Kedua, jawatan pentadbir kanan di SRJK(C) dibiar kosong buat sementara (sehingga terdapat calon yang bersesuaian kelayakannya) sekiranya guru yang berkelayakan Bahasa Cina tidak mencukupi. Ketiga, guru tanpa kelayakan Bahasa Cina yang telah

²⁶ Kenyataan Jawatankuasa Bertindak Bersama Hua Tuan dan Parti-Parti Politik Malaysia, 14 Oktober 1987. Walaupun keputusan untuk menangguhkan pemulauan kelas, namun masih terdapat beribu-ribu pelajar SRJK(C) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Melaka memulaukan kelas atas desakan ibu bapa mereka pada 15, 16 dan 17 Oktober 1987.

ditempatkan di SRJK(C) sebagai pentadbir kanan akan dipindah dan yang masih belum ditempatkan akan diberhentikan penempatan mereka, selewat-lewatnya pada 31 Disember 1987.²⁷

Walau bagaimanapun, sehingga penghujung bulan Disember tahun 1987, masalah tersebut masih tidak berjaya diselesaikan. Dapatan kajian yang dijalankan oleh Dong Jiao Zong pada Januari 1988 menunjukkan perlantikan guru-guru tanpa kelayakan Bahasa Cina itu bukan sahaja tidak ditarik balik, malah mereka telah diarah meneruskan tugas sebagai Penolong Kanan (Kokurikulum). Mereka didapati tidak menggunakan bahasa Cina semasa menjalankan tugas, mengeluarkan arahan dan kenyataan kepada murid-murid dan guru-guru. Perbuatan ini dianggap satu-satunya helah untuk mengubahkan bahasa pentadbiran SRJK(C). Masyarakat Cina berasa khuatir dan bimbang pertukaran bahasa pentadbiran ini akan diikuti dengan perubahan bahasa pengantar dan akhirnya ciri-ciri SRJK(C).²⁸

Berdasarkan perangkaan yang diperolehi (Jadual 5.1), Dong Jiao Zong mendapati masih ada 64 orang guru tanpa kelayakan Bahasa Cina memegang jawatan Pentadbir Kanan di SRJK(C) di seluruh negara terutamanya di Melaka,

²⁷ Fail GPGSCM/Operasi Lalang, Surat dari Jawatankuasa Bertindak 15 Hua Tuan Malaysia kepada Datuk Lim Keng Yaik dan Datuk Ng Cheng Keat, 26 April 1988, GPGSCM, Kuala Lumpur.

²⁸ Fail GPGSCM/Operasi Lalang, Surat dari Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM kepada En. Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia, 16 April 1988, GPGSCM, Kuala Lumpur.

Wilayah Persekutuan, Selangor dan Pulau Pinang. Antaranya, 4 orang adalah Penolong Kanan I, 26 orang Penolong Kanan II, 32 orang Penolong Kanan (Ko-kurikulum) dan 2 orang Penolong Kanan (Penyelia Petang).

Jadual 5.1 Bilangan Guru Tanpa Kelayakan Bahasa Cina Yang Memegang Jawatan Pentadbiran Kanan Di SRJK(C) Pada Januari 1988

Jawatan	Tidak menguasai bahasa Cina	Boleh bertutur bahasa Cina	Boleh bertutur, menulis dan membaca bahasa Cina	Jumlah
Penolong Kanan I	0	2	2	4
Penolong Kanan II	7	12	7	26
Penolong Kanan (Ko-Kurikulum)	7	18	7	32
Penolong Kanan (Penyelia Petang)	2	0	0	2
Jumlah	16	32	16	64

Sumber: 1987 Nian Gongzuo Baogaoshu, (Laporan Tahunan 1987), GPGSCM, Kuala Lumpur, 1988, hlm.24.

Namun demikian, atas usaha pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan mencerusi Kabinet, masalah penempatan guru-guru tanpa kelayakan Bahasa Cina sebagai pentadbir kanan di SRJK(C) ini akhirnya mencapai satu cara penyelesaian. Kabinet meluluskan formula 4-1 yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Lima Menteri pada 27 April 1988. Formula tersebut menetapkan bahawa empat jawatan pentadbiran tinggi, iaitu Guru besar, Penolong Kanan I

dan II, dan Penolong Kanan Penyelia Petang, mesti diisikan oleh guru-guru yang berkelayakan Bahasa Cina di peringkat SPM atau SRP atau sijil yang setaraf dengannya. Manakala jawatan Penolong Kanan (Ko-kurikulum) boleh diisikan oleh guru-guru tanpa kelayakan Bahasa Cina yang memenuhi empat syarat, iaitu guru yang terlatih, bersesuaian dengan keperluan jawatan, guru berpengalaman dan mempunyai pengetahuan dan menguasai secara berkesan Bahasa Cina.²⁹ Dong Jiao Zong dan Hua Tuan masih tidak menerima formula ini kerana jawatan Penolong Kanan (Ko-Kurikulum) di SRJK(C) boleh diisikan oleh guru-guru yang tidak mempunyai sebarang kelayakan Bahasa Cina. Pengecualian ini dianggap boleh diubah menjadi senjata untuk menghapuskan ciri-ciri SRJK(C).³⁰

Walau bagaimanapun, bantahan masyarakat Cina terhadap kenaikan pangkat guru di SRJK(C) ini dianggap sebagai suatu usaha yang bertentangan dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Profesor Madya Dr. Rahmah Bujang, pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya, merasakan tuntutan mereka adalah melampaui batas kerana SRJK(C) tidak mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan. Katanya, sepatutnya SRJK(C) dan SRJK(T) telah dimansuhkan secara berperingkat-peringkat dan semua mata pelajaran diajar di dalam bahasa kebangsaan, manakala bahasa Cina dan bahasa Tamil dijadikan

²⁹ 1988 Gongzuo Baogaoshu, (Laporan Tahunan 1988), GPGSCM, Kuala Lumpur, 1989, hlm.18.

³⁰ Fail GPGSCM/Operasi Lalang, Surat dari Loot Ting Yee, Naib Pengerusi GPGSCM kepada En.Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia, 16 April 1988, GPGSCM, Kuala Lumpur.

mata pelajaran pilihan.³¹ Sementara itu, Hassan Malek, Presiden Majlis Belia Malaysia mendakwa tuntutan tersebut adalah bertentangan dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan kerana cuba mendaulatkan bahasa Cina. Tegas beliau, tindakan tersebut telah menunjukkan mereka tidak menghormati pihak kabinet dan perlembagaan negara.³²

Dr. Ibrahim Saad pula terus terang menyelar golongan pendidikan Cina ini kerana “*never really accept the reality of the National Education Policy which calls for Bahasa Malaysia as the medium of instruction in all national schools (primary and secondary national schools).*”³³ Ahli parlimen UMNO bagi kawasan Pasir Mas, Ibrahim Ali mendakwa tuntutan masyarakat Cina itu tidak lebih daripada mitos-mitos perkauman yang akhirnya tegak menjadi tembok yang memisahkan di antara orang-orang Melayu dengan orang-orang Cina.³⁴

Selain itu, Mohd. Tamrin Abdul Ghafar, ahli parlimen UMNO bagi kawasan Batu Berendam, Melaka menyarankan kepada kerajaan supaya menutup SRJK(C) dan SRJK(T) bagi mencegah masalah polarisasi di negara ini. Katanya, satu jenis aliran sekolah, iaitu sekolah kebangsaan, bukan sahaja dapat

³¹ Watan, 20 Oktober 1987.

³² Ibid.

³³ New Straits Times, 11 Oktober 1987.

³⁴ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen; Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.65, 12 Oktober 1987, hlm.111-112.

mendaulatkan bahasa kebangsaan, tetapi juga memberi peluang yang lebih luas kepada murid-murid untuk mempelajari berbagai bahasa.³⁵

Dalam kemelut kenaikan pangkat guru-guru SRJK(C) ini, satu perkara yang perlu ditegaskan ialah bantahan masyarakat Cina bukanlah berdasarkan sentimen perkauman yang sempit. Malah isu ini tidak sedikit pun menyentuh hal-hal hubungan antara kaum serta maruah dan ketuanan orang Melayu dan UMNO. Sejak awal berlakunya kontroversi, Dong Jiao Zong telah menyatakan kesediaan dan kesanggupannya untuk “menerima guru-guru dari segala bangsa untuk memegang jawatan pentadbir kanan di SRJK(C) asalkan mereka berkelayakan bahasa Cina”.³⁶

Timbalan Setiausaha Agung MCA, Ting Chew Peh, berkata sesiapa sahaja yang manpu menguasai bahasa Cina boleh memegang jawatan pentadbir dan masyarakat Cina tidak akan menolak jika Melayu atau India dilantik mengisi jawatan tersebut.³⁷ Dr. Ling Liang Sik juga menganggap masalah penempatan itu bukanlah suatu isu perkauman. Beliau menegaskan bahawa:

³⁵ Malaysia, Penyata Rasmi Parliment: Dewan Rakyat, Parliment Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.80, 3 November 1987, hlm.57-59.

³⁶ Fail GPGSCM/Operasi Lalang, Surat dari Lim Fong Seng, Pengurus PPLPSCM dan Tuang Pik King, Pengurus Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Kuala Lumpur kepada Menteri Pendidikan Malaysia En. Anwar Ibrahim, 5 Oktober 1987, GPGSCM, Kuala Lumpur; Memorandum from Dong Jiao Zong to Education Minister Anwar Ibrahim, Dong Jiao Zong, Kuala Lumpur, 5 Oktober 1987.

³⁷ Berita Harian, 7 Oktober 1987.

“... We would accept even Malays or Indians as administrators in these Chinese primary schools provided they have suitable qualifications in the Chinese language. Those with formal qualifications in the Chinese language obtained at the SRP or SPM level should be accepted by the schools. If they perform satisfactorily during probation, they should be confirmed in their posts.”³⁸

Semasa membahaskan usul mengenai isu kenaikan pangkat guru-guru di SRJK(C) di Dewan Rakyat pada 12 Oktober 1987, Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang menegaskan bahawa tuntutan masyarakat Cina bukanlah bersifat perkauman atau cauvinisme, ekstremist atau pelampau. Sebaliknya, tuntutan itu hanya bertujuan semata-mata untuk mengekalkan status quo SRJK(C) sebagaimana yang diiktiraf oleh kerajaan BN melalui manifesto pilihan raya 1986.³⁹ Sehubungan itu, beliau mengatakan bahawa “*the DAP will be the first to support the appointment of a non-Chinese with the Chinese qualifications to illustrate that the issue was not communal*”.⁴⁰ Sementara Koh Tsu Koon, Ketua Pemuda Gerakan berasa kecewa kerana masalah perlantikan itu “*...had been blown out of proportion and turned into a racial issue althought it was merely an education matter*”.⁴¹ Beliau menegaskan bahawa “*the school boards are not against the appointment of*

³⁸ News Straits Times, 17 Oktober 1987.

³⁹ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.65, 12 Oktober 1987, hlm.98-99.

⁴⁰ New Straits Times, 17 Oktober 1987.

⁴¹ Ibid.

non-Chinese as administrators but against those without language qualifications.

*We will accept any non-Chinese if they have the necessary qualifications.*⁴²

Sungguhpun demikian, bantahan hebat dari masyarakat Cina terutamanya perhimpunan di Kuil Thean Hou Kuala Lumpur telah menimbulkan reaksi daripada masyarakat Melayu, sehingga wujud suasana konfrontasi dan perasaan perkauman yang begitu hangat sekali. Akhirnya kemelut tersebut telah menjadi isu perkauman. Pemimpin UMNO menyeru kerajaan supaya penyiasatan dijalankan ke atas pertubuhan-pertubuhan sosial yang terbabit bagi menentukan sama ada pertubuhan-pertubuhan itu diseludupi anasir-anasir subversif.⁴³ Sementara Pemuda UMNO Pahang menyaran pucuk pimpinan memecat MCA dan Gerakan dari BN sebagai balasan sikap biadap mereka sanggup membuat pakatan dengan parti pembangkang.⁴⁴ Selain itu, Pergerakan Pemuda UMNO juga merancang untuk menganjurkan satu perhimpunan raksasa di Kuala Lumpur pada 17 Oktober 1987 untuk menunjukkan kekuatan, pendirian teguh serta ketidakrelaan mereka melihat maruah UMNO dan bangsa Melayu dipermainkan.⁴⁵

Tindakan balas Pemuda UMNO terutamanya mengadakan perhimpunan raksasa telah mendatangkan kritikan hebat dari masyarakat Cina. Chua Jui Meng,

⁴² Ibid.

⁴³ Statement by Civil Rights Committee, 14 Oktober 1987.

⁴⁴ Watan, 17 Oktober 1987.

⁴⁵ Utusan Malaysia, 14 Oktober 1987.

Timbalan Ketua Setiausaha Agung MCA, mengutuk keras tindakan Pemuda UMNO itu sebagai “*it's as though someone stepped on Chinese toes and when we bring attention to the fact that my toe is being stepped on and say 'take your toe away', they reply 'you're threatening me'*”.⁴⁶ Jawatankuasa Bertindak Bersama juga amat berasa kesal terhadap tindakan pihak Pemuda UMNO yang dianggap sebagai tidak bertanggungjawab kerana semata-mata untuk menunjukkan kekuatannya dan menimbulkan sentimen perkauman. Oleh itu, jawatankuasa itu menyeru Pemuda UMNO membatalkan perhimpunan tersebut.⁴⁷

Ketua Pemuda MCA, Yap Pion Hon pula beranggapan bahawa “*the Chinese are asking only for the status quo. We are not out to hurt the feelings of the Malay or belittle the national language*”.⁴⁸ Manakala Ng Cheng Kuai, Setiausaha Agung MCA mengkritik “*UMNO Youth would be barking at the wrong tree*” dengan menganjurkan perhimpunan raksasa yang bertujuan semata-mata “*...to create an issue out of an issue which had been resolved by the Cabinet...*”.⁴⁹ Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang pula menganggap perhimpunan raksasa itu sebagai langkah yang tidak bertanggungjawab serta boleh mengakibatkan konfrontasi Melayu dan Cina di negara ini.⁵⁰

⁴⁶ Suhaini Aznam, “Malaysia: The Language of Politics”, FEER, 29 Oktober 1987, hlm.21.

⁴⁷ Kenyataan Jawatankuasa Bertindak Bersama Hua Tuan dan Parti-Parti Politik Malaysia, 15 Oktober 1987.

⁴⁸ Suhaini Aznam, “Malaysia: The Language of Politics”, hlm.21.

⁴⁹ New Straits Times, 17 Oktober 1987.

⁵⁰ Utusan Malaysia, 14 Oktober 1987.

Akan tetapi, Pemuda UMNO masih tidak mahu berganjak. Ketuanya, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan nada yang lantang mengatakan bahawa “*the damage has been done, it's a matter of attitude... The Rally will release tension and hopefully things will get better after that*”.⁵¹ Dengan itu, perhimpunan anjuran Pemuda UMNO itu telah diadakan di Stadium Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur pada 17 Oktober 1987. Perhimpunan itu turut disertai oleh pertubuhan-pertubuhan Melayu yang lain termasuk Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung Malaysia dan siswa-siswi Melayu dari universiti tempatan.

Dalam perhimpunan itu, ucapan-ucapan berapi-api yang memarahkan bangsa Cina mencabar maruah dan kekuatan Melayu telah dikumundangkan oleh pemimpin-pemimpin Pemuda UMNO, terutamanya Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Muhammad Hj Muhammad Taib. Perhimpunan turut meminta kerajaan jangan tunduk kepada sebarang tekanan dan ugutan perkauman. Selain itu, Pemuda UMNO juga mendesak kerajaan supaya Lee Kim Sai disingkirkan dari kabinet.⁵²

Sepanduk dan pelekat yang menuntut penghapusan SRJK(C) dan SRJK(T) dipampangkan.⁵³ Ungkapan-ungkapan yang keras telah dipamerkan, di antaranya “*JANGAN CABAR SEMANGAT SI JEBAT*”, “*MAMPUS CINA ANJING*”,

⁵¹ Suhaini Aznam, “Malaysia: The Language of Politics”, hlm.21.

⁵² Berita Harian, 18 Oktober 1987.

⁵³ Mimbar Sosialis, Jilid 14, Bil.8, Disember 1987, hlm.8.

"LUCUTKAN KERAKYATAN PENENTANG DYMM RAJA-RAJA MELAYU", "ANWAR JANGAN TAKUT DENGAN CINA", "KALAU MAHU DARAH KITA BAGI DARAH", "17 OKTOBER 13 MEI II", "13 MEI KINI BERMULA", "BASAH IA DENGAN DARAH CINA", "CINA KAUM SIAL", dan TANAM MEREKA HIDUP-HIDUP".⁵⁴

Keadaan semakin tegang dan genting pada hari esoknya, iaitu 18 Oktober 1987, apabila berlaku peristiwa Prebet Adam Jaafar.⁵⁵ Rakyat seluruh negara berasa cemas walaupun peristiwa terpencil tersebut langsung tidak kena-mengena dengan pergaduhan kaum tetapi kes jenayah biasa. Memandangkan suasana di negara ini telah mencapai ke tahap yang sangat membimbangkan dan berkemungkinan mencetuskan rusuhan secara besar-besaran, kerajaan telah bertindak segera dan bertegas untuk membendung keadaan demi kestabilan dan keselamatan negara serta kesejahteraan rakyat. Maka bermulalah Operasi Lalang dari 27 Oktober hingga 14 November 1987.

⁵⁴ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil.13, 24 Mac 1988, hlm.100; Nanyang Siang Pau, 18 Oktober 1987, Sin Chew Jit Poh, 18 Oktober 1987, China Press, 18 Oktober 1987, Malaysia, Kertas Perintah 14 Tahun 1988 Malaysia: Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1988, hlm20.

⁵⁵ Peristiwa ini berlaku pada malam 18 Oktober 1987 di kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur. Seorang anggota tentera, Prebet Adam Jaafar, yang telah lari dari kemnya di Ipoh mengamuk dengan menggunakan senjata M16 melepaskan beberapa tembakan yang mengakibatkan seorang Melayu mati dan seorang Cina dan seorang Melayu luka parah.

Operasi Lalang⁵⁶ merupakan gerakan kerajaan yang melibatkan penangkapan dan penahanan seramai 106 orang di bawah Seksyen 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) berhubung tindakan mereka yang dipercayai memudarangkan keselamatan negara. Mereka terdiri daripada tokoh politik, ahli persatuan sosial, intelektual, pensyarah, peguam, guru, pekerja dan petani di seluruh negara. Dalam operasi tersebut, segala perhimpunan dan ‘rally’ telah dilarang dan permit empat penerbitan telah dibatalkan.⁵⁷ Memandangkan keadaan dalam negeri adalah tegang dan untuk menjayakan tindakan polis, Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad, selaku Menteri Dalam Negeri juga mengambil keputusan untuk melarang perhimpunan raksasa UMNO yang dijadualkan pada 1 November 1987.⁵⁸

⁵⁶ Untuk analisis-analisis mengenai peristiwa ini, lihat Malaysia, Kertas Perintah 14 Tahun 1988 Malaysia Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1988; International Commission of Jurists, Report to the New Zealand Section of the International Commission of Jurists, on the Mission to Malaysia, 22-29, November 1987, January 1988; K.Das & Suaram(ed.), The White Paper on the October Affair and the Why? Papers, Suaram, Petaling Jaya, 1989; Lim Kit Siang, Prelude to the Operation Lallang, DAP, Petaling Jaya, 1990; Malaysia: Assault on the Judiciary, Lawyers Committee for Human Rights, New York, 1990, Chapter 3, p.8-14; Malaysia, 'Operation Lallang': Detention Without Trial Under the Internal Security Act, Amnesty International, London, December 1988; Tangled Web: Dissent, Deterrence and the 27th October 1987 Crackdown, CARPA, Australia, 1988. Manakala untuk pengalaman, pandangan dan komen daripada mereka yang ditahan di bawah Operation Lallang, lihat Declaration by ISA Detainees on the Anniversary of the Mass Arrests and Detention of October 1987, October 1988; Kua Kia Soong, 445 Days Behind the Wire: An Account of the Oct 87 ISA Detentions, The Resource and Research Centre, Kuala Lumpur, 1989; Press Statement by Lim Chin Chin, Patricia Lourdes Irene Xavier, Chee Heng Leng, Julian Jayaseelan & Sebil John Joseet, 28 October 1988; Press Statement from Families of ISA Detainees and Restrictees to be Issued at a Press Conference on 26th Oct 1988 in Kuala Lumpur; Tan Seng Giaw, The First 60 Days: The 27th October 1987 ISA Arrests, DAP, Petaling Jaya, 1989.

⁵⁷ Akhbar-akhbar yang terlibat ialah *The Star & The Sunday Star*, *Watan* dan *Sin Chew Jit Poh*. Kertas Putih menyebut akhbar-akhbar ini sangat ghairah memuat dan menonjolkan berita, pendapat dan rencana yang menyemarakkan perasaan perkauman dan melaga-lagakan pemimpin satu kaum atau pertubuhan dengan pemimpin kaum atau pertubuhan lain.

⁵⁸ Malaysia, Penyata Rasmi Parliment: Dewan Rakyat, Parliment Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.76, 28 Oktober 1987, hlm.47.

Daripada jumlah 106 orang yang ditangkap dan ditahan, empat daripadanya adalah pejuang pendidikan Cina yang terkenal, iaitu Sim Mow Yu⁵⁹ (Pengerusi GPGSCM), Lim Fong Seng (Pengerusi PPLPSCM), Tuang Pik King (Naib Pengerusi GPGSCM) dan Kua Kia Soong (Pengarah Malaysian Chinese Resource and Research Centre). Menurut pernyataan Kementerian Dalam Negeri, alasan mereka berempat ditahan kononnya adalah “menjalankan kegiatan-kegiatan yang menyemarakkan semangat perkauman di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini atau memainkan isu-isu sensitif yang menyemarakkan semangat perkauman Cina hingga mengakibatkan perasaan benci-membenci dan permusuhan di antara orang-orang Melayu dan bukan Melayu di negara ini”.⁶⁰

Peninjauan terhadap pertuduhan-pertuduhan [Lampiran A], nyata sekali menunjukkan bahawa kesemua perkara yang membabitkan pemimpin-pemimpin Hua Tuan itu adalah berkaitan dengan masalah dan dilema masyarakat Cina

⁵⁹ Sim Mow Yu merupakan seorang tokoh pendidikan Cina yang amat dihormati oleh masyarakat Cina. Beliau menjadi Pengerusi GPGSCM dari tahun 1966-1994. GPGSCM di bawah pimpinannya telah bergiat aktif untuk mempertahankan kuasa autonomi, identiti dan status quo SRJK(C) di dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Beliau dengan lantangnya menentang dasar pendidikan kerajaan yang didakwa kononnya boleh menjelaskan kedudukan SRJK(C). Antaranya termasuklah Kurikulum 3M, PSI, Seksyen 21(2) dan 26(A) Akta Pelajaran 1961, perlantikan golongan pentadbir kanan SRJK(C) yang tidak mempunyai kelayakan formal dalam Bahasa Cina, dan penggunaan bahasa kebangsaan dalam majlis rasmi sekolah. Untuk keterangan lanjut tentang Sim Mow Yu, lihat Loot Ting Yee (Ketua Editor), Shen Muyu yanlunji, (Pandangan Sim Mow Yu Tentang Pendidikan), Jil. I, UCSTAM, Kuala Lumpur, 1998; Loot Ting Yee (Ketua Editor), Shen Muyu yanlunji, (Pandangan Sim Mow Yu Tentang Pendidikan), Jil. II, UCSTAM, Kuala Lumpur, 1998; Loot Ting Yee (Ketua Editor), Shen Muyu shiji xinian, (Biografi Sim Mow Yu), UCSTAM, Kuala Lumpur, 1997.

⁶⁰ Memorandum dari Pertubuhan-Pertubuhan Utama Cina Se-Malaysia untuk Menuntut Pembebasan Empat Orang Pemimpin-Pemimpin Masyarakat Cina Malaysia, Pertubuhan-Pertubuhan Utama Cina Se-Malaysia, Kuala Lumpur, 6 Februari 1988, hlm.2.

terutamanya pendidikan Cina sejak tahun 1957.⁶¹ Sebagaimana yang diterangkan oleh Lim Fong Seng, inilah kali pertama para pendidik Cina ditahan di bawah ISA “*for lawful and open activities which have involved nothing but legitimate aspirations recognised by the Federal Constitution and the International Community*”.⁶²

Oleh kerana keempat-empat pemimpin ini hanya menyatakan dilema dan mengemukakan hasrat seluruh masyarakat Cina di Malaysia, maka tidak hairanlah penangkapan tersebut telah menimbulkan bantahan keras daripada masyarakat Cina. Mereka menggesa kerajaan membebaskan mereka tanpa syarat dengan secepat yang mungkin.⁶³ Misalnya, dalam memorandum yang dikemukakan kepada Ketua Polis Negara, dinyatakan dengan jelas bahawa:

⁶¹ Untuk keterangan terperinci mengenai pertuduhan-pertuduhan empat pemimpin masyarakat Cina ini, lihat Statement Under Section 11(2)(b) Internal Security Act 1960: Name of Detainee:Kua Kia Soong, No.I/C:4059847(B), by order Ibrahim Bin Mamat on behalf of Chief Secretary Ministry of Home Affairs Malaysia; Statement Under Section 11(2)(b) Internal Security Act 1960: Name of Detainee:Tuang Pik King, No.I/C:3837021(B), by order Ibrahim Bin Mamat on behalf of Chief Secretary Ministry of Home Affairs Malaysia; Statement Under Section 11(2)(b) Internal Security Act 1960: Name of Detainee:Sim Mow Yu, No.I/C:0866076(B), by order Ibrahim Bin Mamat on behalf of Chief Secretary Ministry of Home Affairs Malaysia; dan Statement Under Section 11(2)(b) Internal Security Act 1960:Name of Detainee:Lim Fong Seng, No.I/C:2297865(B), by order Ibrahim Bin Mamat on behalf of Chief Secretary Ministry of Home Affairs Malaysia.

⁶² Temuramah dengan Lim Fong Seng, Penasihat PPLPSCM di Bangunan Dong Jiao Zong, Kajang pada 4 Disember 1999.

⁶³ Lihat Kenyataan Dong Jiao Zong mengenai Penahanan Pengerusi PPLPSCM Lim Fong Seng Di bawah ISA, 27 Oktober 1987; Kenyataan Dong Jiao Zong mengenai Penahanan Di bawah ISA, 28 Oktober 1987; Fail GPGSCM/Operasi Lalang, Surat dari Foo Wan Thot, Yang Di Pertua Persatuan Lembaga-Lembaga Pengurus Sekolah Cina Perak kepada Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, 23 Disember 1987, GPGSCM, Kuala Lumpur; Kenyataan Datuk Choot Ching Khoon, Pengerusi Dewan Perhimpunan Cina Pulau Pinang, 8 Februari 1988; Kenyataan Wong Phin Chung, Pengerusi Kumpulan Persatuan Jawatankuasa Sekolah Menengah Cina Persendirian Sabah, 9 Disember 1988; Fail GPGSCM/Operasi Lalang, Surat dari Chong King Liang, Pengerusi Dewan Perhimpunan Cina Selangor kepada Hua Tuan Seluruh Malaysia, 11 Mac 1988, GPGSCM, Kuala Lumpur.

*"The Chinese community recognise, strongly support and deeply appreciate and respect these persons for their unselfish dedication and sacrifices for Chinese education in this country. They have been law-abiding citizens involved in lawful activities and have never advocated violence. They have strive for and voiced the legitimate aspirations and wishes of the majority of the Chinese community. It is deeply regretted that their actions have been interpreted as prejudicial to the national security of this country when in fact what they have done and advocated was to point out, with a view to their removal, any matters producing or having a tendency to produce feelings of ill-will and enmity between different races or classes of the Federation."*⁶⁴

Dalam tempoh tahanan, Lim Fong Seng, Tuang Pik King dan Sim Mow Yu bersama-sama dengan lima tahanan yang lain telah mengemukakan permohonan kepada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 23 November 1987 supaya mereka dibebaskan dengan segera.⁶⁵ Permohonan-permohonan tersebut diketengahkan sebagai mencabar kesahihan penahanan mereka di bawah ISA. Hakim Besar Malaya, Tan Sri Abdul Hamid Omar menolak semua permohonan writ *habeas corpus* bagi pembebasan segera kerana pemohon gagal membuktikan kuasa yang digunakan untuk menahan dan menangkap mereka itu tidak sah atau *mala fide* atau dibuat sebagai cagaran atau berdasarkan sesuatu motif. Sebaliknya, mahkamah memutuskan penahanan dan penangkapan ke atas mereka adalah

⁶⁴ Memorandum From The Chinese Community Represented by the Malaysian Chinese Guilds & Association & Committees, K.L., Selangor Chinese Assembly Hall, Protom National Civil Rights Committee, UCSCAM, UCSTAM, Chinese Chamber of Commerce, Malacca Chinese Education Progressive Association, and 15 Major Chinese Association in Malaysia, 24 Disember 1987.

⁶⁵ Mereka adalah Pengurus Institut Analisa Sosial, Dr. Mohamed Nasir Hashim, Presiden Aliran, Dr. Chandra Muzaffar, pemimpin wanita Aliran, Lim Chin Chin, pensyarah Universiti Pertanian Malaysia, Chee Heng Leng dan Naib Presiden Pertubuhan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia, Tan Ka Kheng; Amnesty International, 10 Disember 1987.

dibuat mengikut kuasa dan peruntukan ISA sejajar dengan Fasal 149 Perlembagaan Persekutuan.⁶⁶

Meskipun demikian, Tuang Pik King mengemukakan permohonan *habeas corpus* kali kedua tetapi ditolak oleh mahkamah pada 19 November 1988. Sementara itu, permohonan oleh Kua Kia Soong yang dikemukakan pada 6 Oktober 1988 juga ditolak oleh Mahkamah Tinggi. Walau bagaimanapun, Lim Fong Seng dan Sim Mow Yu akhirnya dibebaskan dengan syarat daripada tahanan ISA pada 3 Jun 1988, manakala Kua Kia Soong dan Tuang Pik King dibebaskan pada 14 Januari 1989.

Penempatan Guru Bahasa

Semenjak Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris menjadi mata pelajaran teras dalam KBSR, Kementerian Pendidikan mula menempatkan guru-guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris ke SRJK(C). Menurut Kementerian Pendidikan, penempatan itu adalah dibuat dengan berasaskan kepada keperluan tenaga pengajar bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut di SRJK(C). Namun dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan mengakui bahawa memang terdapat amalan guru-guru bahasa tanpa kelayakan dalam bahasa Cina ini

⁶⁶ Berita Harian, 25 November 1987. Fasal 49 Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa khas untuk mencegah kejadian yang boleh memusnah, ke ganasan yang dirancang dan tindakan atau jenayah yang bercanggah dengan kuasa darurat atau tidak boleh diterima oleh orang ramai.

ditugaskan oleh guru besar untuk mengajar mata pelajaran lain tanpa arahan dari kementerian.⁶⁷

Dari segi perundangan, amalan ini dengan jelasnya bertentangan dengan Akta Pelajaran 1961. Akta tersebut menetapkan semua mata pelajaran di SRJK(C) dan SRJK(T), kecuali Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris adalah diajar dalam bahasa pengantar sekolah berkenaan. Lantaran itu, amalan sedemikian sering membangkitkan bantahan dari pihak Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Mereka menganggap amalan Kementerian Pendidikan untuk menempatkan bilangan guru bahasa tanpa kelayakan Bahasa Cina yang melebihi keperluan di SRJK(C) sebagai satu dasar kerajaan yang tersembunyi dan bermuslihat untuk mengalihbahasakan SRJK(C).

Kontroversi bertambah genting dan hebat apabila Jabatan Pendidikan Perlis menempatkan kira-kira 80 orang guru Bahasa Melayu yang tidak berkelayakan Bahasa Cina untuk bertugas di SRJK(C) pada tahun 1989, sedangkan SRJK(C) di seluruh negeri Perlis hanya memerlukan kira-kira 40 orang sahaja.⁶⁸ Dalam hal ini, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Hj. Omar Hashim menjelaskan matlamat sebenar tindakan itu adalah untuk meningkatkan tahap pencapaian Bahasa Malaysia di SRJK(C). Katanya,

⁶⁷ KP(BS)8591/Jld.III/(85), Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.6/1989: Guru-guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, 3 April 1989.

⁶⁸ Sin Chew Jit Poh, 28 Disember 1988.

*"The Ministry has found that the standard of BM (Bahasa Malaysia) and English in these schools is below par and wants to improve the standard. But the language teachers are also trained to teach other subjects and it is up to the headmasters to decide which subject they should teach."*⁶⁹

Meskipun demikian, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan masih bimbang bilangan guru bahasa Melayu yang berlebihan ini akan memaksa guru besar SRJK(C) membenarkan mereka mengajar mata pelajaran bukan bahasa yang sepatutnya diajar dalam bahasa pengantar SRJK(C). Loot Ting Yee, Pemangku Pengerusi GPGSCM, menganggap tindakan Kementerian Pendidikan tersebut sebagai suatu perubahan dalam strategi bagi merealisasikan matlamat Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran 1961.⁷⁰ Katanya, amalan ini telah melanggar perakuan Akta Pelajaran 1961 yang menetapkan:

"SRJK(C) adalah ditafsir sebagai sekolah rendah bantuan kerajaan yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama, dan yang menjadikan bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib. Dengan kata lain, bahasa Cina adalah bahasa pengantar dalam pentadbiran dan pengajaran di SRJK(C); semua mata pelajaran SRJK(C) adalah menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar kecuali mata pelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Segala perubahan terhadapnya adalah suatu pelanggaran undang-undang."⁷¹

⁶⁹ New Straits Times, 2 Mac 1989.

⁷⁰ Kenyataan Bertulis Loot Ting Yee, Pemangku Pengerusi GPGSCM, 27 Disember 1988.

⁷¹ Kenyataan Bertulis Loot Ting Yee, Pemangku Pengerusi GPGSCM, 18 Mac 1989.

Oleh itu, beliau memberi amaran tegas bahawa SRJK(C) akan mengalami perubahan ciri secara perlahan-lahan, bermula dengan mata pelajaran Pendidikan Jasmani, Pendidikan Seni dan Pendidikan Muzik yang bukan diajar dalam bahasa pengantar. Menurut beliau lagi, sekiranya keadaan ini berterusan, SRJK(C) akan berubah ciri-cirinya secara keseluruhan dalam masa 6 hingga 8 tahun.⁷²

Jadual 5.2 Bilangan Guru Bahasa Tanpa Kelayakan Bahasa Cina Yang Mengajar Mata Pelajaran Bukan Bahasa Di SRJK(C), Mac 1989

Negeri	Jumlah SRJK(C) terlibat	Guru bahasa tanpa kelayakan bahasa Cina dan mengajar mata pelajaran bukan bahasa		
		Guru B. Melayu	Guru B. Inggeris	Jumlah
Johor	24	37.5	11.5	49
Kedah	8	7	7	14
Kelantan	7	18	9	27
Melaka	23	23	27	50
N.Sembilan	15	17	16	33
Pahang	8	15	12	27
Perak	32	44.5	27.5	75
Perlis	0	0	0	0
Pulau Pinang	18	24.5	23.5	48
Sabah	17	24	11	35
Sarawak	22	30	18	48
Selangor	29	35	23	58
Terengganu	3	4	3	7
W.Persekutuan	13	32	15	47
Jumlah	219	311.5	203.5	515

Sumber: China Press, 17 Mac 1989.

Berikutnya peristiwa ini, Dong Jiao Zong turut menjalankan satu kajian berhubung dengan isu ini di seluruh negara pada Januari 1989. Dapatan kajian

⁷² China Press, 17 Mac 1989.

seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.2, amat memerlukan Dong Jiao Zong. Sebanyak 515 kes telah dikenalpasti berlaku di SRJK(C) di seluruh negara pada bulan Mac tahun 1989. Daripada jumlah kes itu, negeri Perak mencatatkan kes yang terbanyak iaitu 75, diikuti oleh Selangor (58), Melaka (50), Johor (49), Pulau Pinang (48) dan Sarawak (48).

Dari perspektif Dong Jiao Zong, masalah ini sepatutnya tidak timbul jika Kementerian Pendidikan membekalkan guru-guru bahasa Cina terlatih yang mencukupi di SRJK(C), terutamanya guru-guru dwibahasa terlatih yang berkebolehan mengajar kedua-dua bahasa Cina dan bahasa Melayu. Ini kerana kesemua guru pelatih maktab perguruan mempunyai kelayakan kepujian Bahasa Malaysia dan dapat menjadi guru dwibahasa yang efektif sekiranya diberi latihan yang sewajar.⁷³ Pada dasarnya, Dong Jiao Zong berpendapat formula terbaik bagi mengatasi masalah tersebut secara menyeluruh adalah:

“Pihak berkenaan harus melatih bilangan guru berdasarkan keperluan SRJK(C); mengubah dasar latihan perguruan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan peperiksaan kecuali mata pelajaran bahasa Cina kepada penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran serta peperiksaan, melainkan mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris... Ini akan memastikan pembekalan bilangan guru yang mencukupi bagi SRJK(C).”⁷⁴

⁷³ Fail GPGSCM/Guru Bahasa Tanpa Kelayakan Bahasa Cina, Surat dari Dong Jiao Zong kepada Menteri Pendidikan Malaysia En. Anwar Ibrahim, 30 Oktober 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur.

⁷⁴ Fail GPGSCM/Guru Bahasa Tanpa Kelayakan Bahasa Cina, Surat dari Low Sik Thong, Setiausaha Agung PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Pemangku Pengurus GPGSCM kepada Datuk Dr. Ling Liang Sik, Presiden MCA, 9 Mac 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur; Kenyataan Loot Ting Yee, Pemangku Pengurus GPGSCM, 20 Mac 1989.

Oleh kerana masalah ini ternyata menjelaskan ciri-ciri SRJK(C), Dong Jiao Zong telah menyeru guru-guru besar dan Lembaga Pengelola SRJK(C) yang terbabit dengan masalah penempatan guru bahasa yang berlebihan membuat laporan kepada Kementerian Pendidikan supaya guru-guru ini dapat dipindahkan dengan segera.⁷⁵ Selain itu, Dong Jiao Zong juga menggesa MCA dan Gerakan agar meminta Kementerian Pendidikan menarik balik penempatan guru-guru Bahasa Melayu yang berlebihan di SRJK(C) dengan kadar yang segera bagi mengekalkan status quo SRJK(C).⁷⁶ Gesaan Dong Jiao Zong berhasil apabila Jawatankuasa Pusat MCA mengadakan satu mesyuarat tergempar bagi membincangkan isu itu pada 5 Mac 1989. Mesyuarat tersebut memutuskan bahawa:

“Kementerian Pendidikan harus menyelesaikan masalah penempatan guru-guru Bahasa Melayu di SRJK(C) dengan segera berdasarkan polisi dan pendirian dalam Akta Pelajaran, Laporan Pelajaran Mahathir (Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran) serta Manifesto Pilihanraya Barisan Nasional yang memberi jaminan bahawa ciri-ciri SRJK(C) tidak akan berubah.”⁷⁷

⁷⁵ Fail GPGSCM/Guru Bahasa Tanpa Kelayakan Bahasa Cina, Surat dari Loot Ting Yee, Pemangku Pengerusi GPGSCM kepada Pengerusi & Setiausaha Lembaga-Lembaga Pengelola SRJK(C) Seluruh Malaysia, 4 Mac 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur.

⁷⁶ Fail GPGSCM/Guru Bahasa Tanpa Kelayakan Bahasa Cina, Surat dari Low Sik Thong, Setiausaha Agung PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Pemangku Pengerusi GPGSCM kepada Datuk Dr. Ling Liang Sik, Presiden MCA, 22 Februari 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur; Fail GPGSCM/Guru Bahasa Tanpa Kelayakan Bahasa Cina, Surat dari Low Sik Thong, Setiausaha Agung PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Pemangku Pengerusi GPGSCM kepada Datuk Lim Keng Yaik, Presiden Gerakan, 27 Februari 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur.

⁷⁷ Fail GPGSCM/Guru Bahasa Tanpa Kelayakan Bahasa Cina, Surat dari Low Sik Thong, Setiausaha Agung PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Pemangku Pengerusi GPGSCM kepada Dr. Ling Liang Sik, Presiden MCA, 15 Mac 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur.

Selain itu, Presiden MCA Dr. Ling Liong Sik juga membawa kontroversi itu ke meja perundingan dengan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad dan Pemangku Menteri Pendidikan Mohd. Najib Tun Razak. Satu persefahaman yang menggalakkan telah dicapai, iaitu, “guru-guru bahasa Melayu tanpa kelayakan bahasa Cina yang ditempatkan di SRJK(C) tidak boleh mengajar mata pelajaran lain kecuali Bahasa Malaysia sahaja”.⁷⁸ Berdasarkan ketetapan tersebut, Woon See Chin, Timbalan Menteri Pendidikan mengingatkan guru-guru besar SRJK(C) di seluruh negara bahawa, sekiranya guru-guru bahasa Melayu tanpa kelayakan bahasa Cina dibenarkan mengajar mata pelajaran melainkan Bahasa Malaysia, mereka akan dikenakan tindakan tatartertib memandangkan perbuatan itu telah melanggar Akta Pelajaran 1961.⁷⁹

Susulan daripada perkembangan itu, wakil-wakil MCA iaitu Lee Kim Sai dan Woon See Chin mengadakan rundingan dengan Menteri Pendidikan Anwar Ibrahim pada 10 Mac 1989. Mesyuarat itu menggariskan cara penyelesaian seperti berikut:

“Sebelum guru besar SRJK(C) menetapkan guru-guru Bahasa Melayu mengajar mata pelajaran bukan bahasa, ia terlebih dahulu harus berbincang dengan PIBG. Setelah memperoleh persetujuan, cadangan-cadangan mereka dikemukakan dengan segera kepada Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Negeri untuk dikaji.”⁸⁰

⁷⁸ Fail GPGSCM/Guru Bahasa Tanpa Kelayakan Bahasa Cina, Surat dari Loot Ting Yee, Pemangku Pengerusi GPGSCM kepada Pengerusi Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Seluruh Malaysia, 31 Disember 1988, GPGSCM, Kuala Lumpur; lihat juga China Press, 17 Mac 1989.

⁷⁹ Kenyataan Bertulis Loot Ting Yee, Pemangku Pengerusi GPGSCM, 18 Januari 1989.

⁸⁰ 1988 Nian Gongzuo Baogaoshu, (Laporan Tahunan 1988), hlm.30.

Selain itu, Menteri Pendidikan juga bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa khas yang diketuai oleh Woon See Chin untuk menguruskan hal-hal pemindahan guru-guru bahasa yang dicadangkan oleh guru-guru besar SRJK(C).⁸¹ Sehubungan itu, Jawatankuasa Khas membuat satu kenyataan rasmi bahawa “Kementerian Pendidikan tidak pernah mengarahkan guru-guru Bahasa Melayu di SRJK(C) untuk mengajar mata pelajaran bukan bahasa serta tindakan yang diambil oleh guru besar adalah berdasarkan keperluan semasa di dalam sekolah terbabit”.⁸² Oleh itu, Jawatankuasa Khas menyeru semua guru besar SRJK(C) mengadakan rundingan terlebih dahulu dengan PIBG serta Lembaga Pengelola sekolah yang berkenaan sebelum mengemukakan sebarang cadangan kepada Jawatankuasa Khas berhubung dengan amalan meminta guru-guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris mengajar mata pelajaran lain, di samping mengajar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.⁸³

Walau bagaimanapun, cara penyelesaian yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan dan kenyataan yang dibuat oleh Jawatankuasa Khas itu telah menimbulkan kegusaran pemimpin Dong Jiao Zong. Mereka mengkritik Kementerian Pendidikan cuba melepaskan tanggungjawabnya kepada guru besar dan PIBG supaya tindakan pertukaran ciri-ciri SRJK(C) menjadi “*systematize*”,

⁸¹ Ahli-ahli Jawatankuasa yang lain adalah terdiri daripada Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan dan Ketua Pengarah Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan.

⁸² 1988 Nian Gongzuo Baogaoshu, (Laporan Tahunan 1988), hlm.30.

⁸³ KP(BS)8591/Jld.III/(85), Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.6/1989: Guru-guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, 3 April 1989.

“rationalize” dan “legalize”.⁸⁴ Tentangan hangat itu telah mendesak MCA mengadakan rundingan dengan wakil Dong Jiao Zong, Kesatuan Kebangsaan Guru Besar SRJK(C) Malaysia dan pihak Kementerian Pendidikan yang diwakili oleh Woon See Chin pada 23 Mac 1989.

Mesyuarat itu sekali lagi menjamin ciri-ciri SRJK(C) akan dipertahankan. Selain itu, mesyuarat bersetuju guru-guru bahasa tanpa kelayakan Bahasa Cina tidak dibenarkan mengajar mata pelajaran bukan bahasa termasuk Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Seni. Kementerian Pendidikan juga digesa untuk memindahkan guru-guru bahasa yang berlebihan di SRJK(C). Selain itu, surat pekeliling bagi memberi penjelasan lanjut kepada sekolah-sekolah yang terbabit dalam isu guru-guru bahasa mengajar mata pelajaran bukan bahasa dikeluarkan dengan segera supaya masalah ini dapat diperbetulkan.

Selain itu, mesyuarat juga mencadangkan Kementerian Pendidikan supaya melatih guru-guru Bahasa Cina dan guru-guru dwi-bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Cina atau Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris) yang mencukupi.⁸⁵ Lanjutan daripada itu, MCA memanggil mesyuarat kedua pada 1 Jun 1989. Timbalan Menteri Pendidikan Woon See Chin memaklumkan kepada wakil-wakil Dong Jiao Zong dan Kesatuan Kebangsaan Guru Besar SRJK(C) Malaysia bahawa

⁸⁴ Fail GPGSCM/Guru Bahasa Tanpa Kelayakan Bahasa Cina, Surat dari Low Sik Thong, Setiausaha Agung PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Pemangku Pengerusi GPGSCM kepada Datuk Dr. Ling Liang Sik, Presiden MCA, 15 Mac 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur; Kenyataan Loot Ting Yee, Pemangku Pengerusi GPGSCM, 18 Mac 1989.

⁸⁵ 1988 Nian Gongzuo Baogaoshu, (Laporan Tahunan 1988), hlm.30-31.

guru-guru bahasa yang berlebihan di SRJK(C) yang terbabit telah mula dipindahkan mengikut ketetapan yang diluluskan dalam mesyuarat 23 Mac 1989.⁸⁶

Jelasnya, kemelut penempatan bilangan guru bahasa tanpa kelayakan bahasa Cina di SRJK(C) melebihi keperluan ini berjaya diselesaikan apabila Kementerian Pendidikan mengambil sikap bertolak ansur terhadap tuntutan masyarakat Cina. Selain daripada memindahkan guru-guru bahasa yang berlebihan ke sekolah lain, Kementerian Pendidikan juga mengarahkan guru-guru besar supaya tidak membenarkan guru-guru bahasa tanpa kelayakan bahasa Cina mengajar mata pelajaran bukan bahasa di SRJK(C) dan SRJK(T) pada masa depan.

Berdasarkan huraian-huraian di atas, dapat dirumuskan bahawa Dong Jiao Zong dan Hua Tuan nampaknya begitu bersungguh-sungguh untuk mempertahankan penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dalam semua hal pengurusan dan pentadbiran di SRJK(C), kecuali pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Mereka bertegas menolak konsep pendidikan kebangsaan di SRJK(C). Justeru itu, dasar pendidikan seperti perlantikan pentadbir kanan SRJK(C) tanpa kelayakan bahasa Cina serta penempatan bilangan guru bahasa yang berlebihan telah dinilai sebagai titik tolak peralihan bahasa pengantar SRJK(C).

⁸⁶ Ibid.

Perkara yang perlu ditegaskan ialah penentangan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan bersama-sama dengan DAP, Gerakan dan MCA telah mencetuskan suatu kontroversi yang hangat sehingga menimbulkan suasana ketegangan kaum. Masyarakat Melayu telah menilai tentang mereka itu sebagai suatu tindakan yang bertentangan dengan dasar pendidikan kebangsaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan akhirnya bertolak ansur pada desakan dan tuntutan masyarakat Cina pimpinan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan bagi mengelakkan ketegangan dan kekecohan di dalam negeri.